



MAJLIS SAMBUTAN

Maal Hijrah

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1448 | 2026

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

MADANI DIHAYATI
UMMAH DIBERKATI



MAJLIS SAMBUTAN

Maal Hijrah

PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1448 | 2026



**MADANI DIHAYATI
UMMAH DIBERKATI**

Prakata Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Bersempena dengan Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri bagi tahun 1448H/2026M, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus telah menyediakan risalah khas **Do'a Awal dan Akhir Tahun Hijriyyah** untuk dibaca bersama-sama oleh umat Islam di Negeri Sembilan. Semoga dengan amalan ini, kita akan diberkati dan dilindungi oleh Allah swt untuk menghadapi tahun yang akan datang.

Doa merupakan ekspresi dambaan seorang hamba kepada penciptanya. Ini bermaksud, dengan berdoa manusia menzahirkan sifat *iftiqarnya* serta mengaku sebagai makhluk yang lemah. Tanpa bantuan dan kekuatan daripada Allah, apa yang diinginkan oleh manusia sangat mustahil tercapai.

Pada hari yang berkat ini, dibaca doa **Awal dan Akhir Tahun Hijriyyah** oleh umat Islam sama ada bersendirian atau berkumpul di masjid-masjid atau selainnya. Ia dibaca sama ada secara *talaqqi* (seorang baca kemudian diikuti oleh orang ramai) atau seorang membacanya kemudian *diaminkan* oleh yang lain sebagaimana yang dimaklumi.

Bersama risalah ini, disisipkan bahan bacaan bertajuk **Tarbiyyah Ruhiiyyah Asas Kesatuan Ummah** oleh Y.Bhg Prof. Emeritus Dato' Zakaria Stapa. Semoga kita boleh mengambil iktibar daripada tulisan beliau dengan melakukan perubahan diri ke arah kebaikan dan menitik-beratkan pembentukan generasi akan datang yang berkualiti sesuai dengan tema Sambutan Maal Hijrah pada tahun ini "**MADANI DIHAYATI, UMMAH DIBERKATI**"

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan risalah ini.

Sekian.



DATO' DR. FAUDZINAIM BIN HJ. BADARUDDIN
Mufti Kerajaan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Do'a Akhir Tahun Hijrah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ مَا
عَمَلْنَا فِي هَذِهِ السَّنَةِ مِمَّا نَهَيْتَنَا عَنْهُ فَلَمْ نَتُبْ مِنْهُ،
وَلَمْ تَرْضَهُ وَلَمْ تَنْسَهُ، وَحَلِمْتَ عَلَيْنَا بَعْدَ قُدْرَتِكَ عَلَى
عُقُوبَتِنَا وَدَعَوْتِنَا إِلَى التَّوْبَةِ مِنْهُ بَعْدَ جِرَاءَتِنَا عَلَى
مَعْصِيَتِكَ، فَإِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ فَاعْفِرْ لَنَا، وَمَا عَمَلْنَا
مِمَّا تَرْضَاهُ، وَوَعَدْتَنَا عَلَيْهِ الثَّوَابَ، فَسَأَلْنَاكَ اللَّهُمَّ يَا
كَرِيمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، أَنْ تَتَقَبَّلَهُ مِنَّا وَلَا تَقْطَعْ
رَجَاءَنَا مِنْكَ يَا كَرِيمُ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ
وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Yang bermaksud, *Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w, serta ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya.*

Ya Allah, apa-apa tegahan dan larangan-Mu yang telah kami lakukan pada tahun ini, dan kami belum bertaubat daripadanya, sedangkan Engkau tidak redha dan melupakan akan perbuatan itu, Engkau telah lemah-lembut terhadap kami, walaupun Engkau berkuasa untuk menghukum kami, dan Engkau tetap menyeru kami supaya bertaubat daripadanya setelah kami berani melakukan maksiat terhadap-Mu. Maka sesungguhnya kami memohon keampunan daripada-Mu, maka ampunilah kami.

Dan apa-apa yang telah kami lakukan daripada perkara- perkara yang Engkau redhai, dan Engkau telah janjikan ganjaran pahala atasnya, maka kami memohon kepada-Mu, ya Allah, Tuhan yang Maha Pemurah, Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan — terimalah ia daripada kami, dan janganlah Engkau putus harapan kami kepada-Mu, Tuhan yang Maha Pemurah.

Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan di akhirat, serta peliharalah kami daripada azab api neraka.

Selawat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w dan ke atas ahli keluarganya serta para sahabat Baginda seluruhnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Amin ya Rabbal 'alamin

Do'a Awal Tahun Hijrah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَبَدِيُّ الْقَدِيمُ الْأَوَّلُ
وَعَلَى فَضْلِكَ الْعَظِيمِ وَجُودِكَ الْمُعْوَلِ، وَهَذَا عَامٌ
جَدِيدٌ قَدْ أَقْبَلَ عَلَيْنَا، نَسْأَلُكَ الْعِصْمَةَ فِيهِ مِنْ
الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَوْلِيَاءِهِ وَجُنُودِهِ، وَالْعَوْنَ عَلَى هَذِهِ
النَّفْسِ اللَّامِرَةِ بِالسُّوءِ، وَالْإِشْتِغَالَ بِمَا يُقَرِّبُنَا إِلَيْكَ
زُلْفَى. اللَّهُمَّ يَا مُحَوِّلَ الْأَحْوَالِ حَوِّلْ خَالَئَنَا إِلَى
أَحْسَنِ الْأَحْوَالِ بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ يَا عَزِيزُ يَا مُتَعَالٍ.
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ. صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ.

Yang bermaksud, Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas semulia-mulia para nabi dan rasul, penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w, serta ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya.

Ya Allah, Tuhan Yang Kekal Abadi, dengan limpah kurnia dan kepemurahan-Mu, kini telah datang kepada kami tahun baru, maka kami memohon perlindungan-Mu daripada syaitan yang direjam, para pengikut dan tenteranya. Kami memohon pertolongan-Mu mengatasi nafsu yang sentiasa mendorong kepada kejahatan, dan bantulah kami melakukan segala perkara yang memungkinkan kami mendampingi-Mu.

Ya Allah, wahai Tuhan yang membolak-balikkan segala keadaan, ubahlah keadaan kami kepada keadaan yang paling baik dengan kekuasaan dan kekuatan-Mu, wahai Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Tinggi.

Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan di akhirat, serta lindungilah kami daripada azab api neraka.

Selawat dan salam ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w serta ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Amin ya Rabbal 'alamin

Do'a Dibaca Dari Awal Muharram Hingga
Hari Kesepuluh Muharram

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ إِنَّكَ قَدِيمٌ وَهَذَا عَامٌ جَدِيدٌ قَدْ أَقْبَلَ وَسَنَةٌ جَدِيدَةٌ
قَدْ أَقْبَلَتْ، نَسَأَلُكَ مِنْ خَيْرِهَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا،
وَنَسْتَكَفِيهَا فَوَاتَهَا وَشُغْلَهَا فَارْزُقْنَا الْعِصْمَةَ مِنَ
الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ سَلَّطْتَ عَلَيْنَا عَدُوًّا
بَصِيرًا بَعِيُوبِنَا وَمُطَّلَعًا عَلَى عَوْرَاتِنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِينَا
وَمِنْ خَلْفِنَا وَعَنْ أَيْمَانِنَا وَشِمَائِلِنَا يَرَانَا هُوَ وَقَبِيلُهُ
مِنْ حَيْثُ لَا نَرَاهُمْ، اللَّهُمَّ آيسُهُ مِنَّا كَمَا آيسْتَهُ مِنْ
رَحْمَتِكَ وَقَنْطَهُ مِنَّا كَمَا قَنْطْتَهُ مِنْ عَفْوِكَ وَبَاعِدْ
بَيْنَنَا وَبَيْنَهُ كَمَا حُلْتَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَغْفِرَتِكَ، إِنَّكَ قَادِرٌ
عَلَى ذَلِكَ وَأَنْتَ الْفَعَالُ لِمَا تُرِيدُ. وَصَلَّى اللَّهُ تَعَالَى
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

(Dibaca sebanyak 3 kali)

Doa 'Asyura'
Ayat Ini Dibaca Pada Hari
Kesepuluh Muharram

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ
النَّصِيرُ.

(Dibaca sebanyak 70 kali)

2. سُبْحَانَ اللَّهِ مِلْءَ الْمِيزَانِ وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ
وَمَبْلَغِ الرِّضَا وَزِينَةِ الْعَرْشِ لَا مَلْجَأَ وَلَا مَنْجَا مِنْ
اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ. سُبْحَانَ اللَّهِ عَدَدَ الشَّفْعِ وَالْوَتْرِ وَعَدَدَ
كَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ كُلِّهَا أَسْأَلُكَ السَّلَامَةَ كُلَّهَا
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا
بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، وَهُوَ حَسْبِي وَنِعْمَ الْوَكِيلُ
نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كُلَّمَا ذَكَرَهُ الدَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَنْ
ذِكْرِهِ الْعَافِلُونَ.

(Dibaca sebanyak 7 kali)

3. اللَّهُمَّ يَا مُفْرَجَ كُلِّ كَرْبٍ وَيَا مُخْرِجَ ذِي النُّونِ
يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَيَا جَامِعَ شَمْلِ يَعْقُوبَ يَوْمَ
عَاشُورَاءَ وَيَا غَافِرَ ذَنْبِ دَاوُودَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ
وَيَا كَاشِفَ ضُرِّ أَيُّوبَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَيَا سَامِعَ
دَعْوَةِ مُوسَى وَهَارُونَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَيَا خَالِقَ
رُوحِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَبِيبِهِ
وَمُصْطَفَاهُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَيَا رَحْمَنَ الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ اقْضِ حَاجَتِي فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَأَطِلْ عُمْرِي فِي طَاعَتِكَ وَمَحَبَّتِكَ
وَرِضَاكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَصَلَّى اللَّهُ تَعَالَى
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

TARBIYYAH RUHIYYAH ASAS KESATUAN UMMAH

Oleh
ZAKARIA STAPA



1. PENDAHULUAN

Adalah dapat diperhatikan bahawa umat Islam semasa yang mendiami planet bumi adalah berada dalam keadaan kurang stabil, di mana mereka secara relatifnya lemah dan terkebelakang dalam pelbagai aspek kehidupan. Kelemahan mereka ditandai dengan baik menerusi ketidak-mampuan mereka membela untung nasib saudara-saudara mereka yang dianianya dan diganyang oleh pihak lain seperti yang berlaku—contoh klasiknya—di Palestine dan yang terbaru di Iraq. Betapalah tergambaranya ummah yang ketiadaan tulang belakang, apabila perihal untung nasib umat Islam tidak boleh dicampuri secara efektif oleh saudara-saudara mereka yang seagama.

Apabila diteliti secara cermat, salah satu sebab kelemahan umat Islam ini adalah berpunca daripada ketiadaan kesatuan dan perpecahan di kalangan mereka. Perhatikan sahaja di peringkat lokal atau peringkat antarabangsa, kita secara mudah dapat menemui contoh-contoh perpecahan berkenaan. Di peringkat lokal kita umat Islam masih terus berpecah dan bertelagah berasaskan perbezaan pandangan dan pegangan dalam

hal berkaitan dengan amalan harian dan fahaman politik. Di peringkat global kita berdepan dengan pelbagai perpecahan dalaman di beberapa buah Negara umat Islam. Untuk menyebut beberapa contoh, ambil sahaja perpecahan Hamas dan Fatah di Palestin, perpecahan politik yang parah di Pakistan, di Iraq, di Afghanistan, di Lebanon, perbezaan pandangan dan pegangan yang meluas di kalangan umat Islam di Indonesia. Semua ini adalah gambaran betapa umat Islam demikian miskin dengan perpaduan dan kesatuan sesama mereka di serata dunia. Semangat ukhuwah Islamiyyah yang sepatutnya subur berkembang di tengah-tengah kehidupan mereka, nampaknya tidak begitu terserlah.

Sesungguhnya perpecahan ini memakan cukup banyak waktu, tenaga dan pelbagai sumber yang sepatutnya dipergunakan oleh umat Islam bagi maksud membina kekuatan dan kecermerlangan dalam segenap aspek kehidupan. Dalam suasana semasa yang penuh dengan pelbagai tekanan dan cemuhan pihak lain, khususnya Barat, umat Islam di serata dunia sepatutnya tidak ada masa untuk melayan perpecahan sesama mereka. Segenap waktu, tenaga dan pelbagai sumber yang mereka miliki sepatutnya digembeleng sepenuhnya untuk tujuan pemerksaan ummah dalam segenap sektor kehidupan, sehingga mereka boleh dihormati dan disegani oleh pihak lain.

Dalam kemelut perpecahan yang sedang dideritai oleh umat Islam semasa ini, pendekatan *tarbiyyah ruhiyyah* cuba diguna pakai sebagai asas kepada kesatuan ummah. Apakah pendekatan ini akan berupaya menjalankan tugasnya dengan baik atau sebaliknya, akan cuba dianalisis secukupnya dalam kertas ini.

2. TARBIYYAH RUHIYYAH IALAH TAZKIYAT AL-NAFS DAN AL-TAKHALLI SERTA AL-TAHALLI

Sesungguhnya dalam bidang kerohanian Islam keempat-empat istilah di atas—*tarbiyyah ruhiyyah*, *tazkiyat al-nafs*, *al-takhalli* dan *al-tahalli*—digunapakai untuk memerihalkan kandungan pengisian yang sama serta pencapaian matlamat yang serupa, iaitu untuk membentuk dan melahirkan keperibadian insan yang unggul, yang dihiasi dengan nilai-nilai akhlak yang mulia sebagaimana yang dituntut oleh ajaran Islam.

Penggunaan istilah *al-ruh* dan *al-nafs*—yang membentuk istilah-istilah *tarbiyyah ruhiyyah* dan *tazkiyat al-nafs*--sebagaimana tercatat dalam karya agong Imam al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din* (t. th.

xiii: 6-7) mempunyai konotasi makna yang lebih kurang sama, iaitu masing-masing merujuk kepada unsur *latifah rabbaniyyah ruhiyyah* yang menerusinya seseorang manusia boleh menanggapi, memahami dan mengetahui segala sesuatu. Kedua-duanya merupakan jati diri manusia yang mencirikan hakikat dan zat sebenar manusia itu sendiri.

Untuk pertamanya memberikan penjelasan tentang konsep *tarbiyyah ruhiyyah*, maka perlulah difahami konsep *tarbiyyah* itu sendiri secara umum, di mana ia sebenarnya merujuk kepada amalan pengajaran dan pendidikan terarah dari pihak yang biasanya lebih tua kepada kalangan yang lebih muda mengikut peringkat-peringkat perkembangan golongan muda berkenaan. Ia bermaksud membentuk dan melahirkan mereka sesuai dengan nilai kebaikan yang membolehkan mereka menjalani kehidupan yang bahagia dan sejahtera (Mahmud 1995, 20). Oleh itu, *tarbiyyah ruhiyyah* adalah suatu perancangan terarah dan konkrit untuk mengajar dan mendidik jati diri dan zat hakiki diri manusia yang memiliki upaya menanggapi, memahami dan mengetahui segala sesuatu itu, dengan nilai-nilai kebaikan yang boleh menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat. Maka sudah barang tentu bahawa dalam konteks Islam pengajaran dan pendidikan ini melibatkan penanaman dan

penyuburan iman dalam diri seseorang manusia yang diikuti oleh segala bentuk amalan- amalan kebaikan dalam kerja-kerja ibadat, muamalat dan perlakuan akhlak.

Berhubung dengan konsep *tazkiyat al-nafs* pula, maka bolehlah dicatatkan bahawa secara literal perkataan *tazkiyah* bermakna “Pembersihan”. Justeru itu perlakuan seseorang memberi “sedekah harta” dinamakan sebagai perlakuan mengeluarkan “zakat”, iaitu satu istilah yang terbit daripada akar kata yang sama dengan akar kata bagi perkataan *tazkiyah*, kerana dengan pemberian sedekah tersebut harta berkenaan “menjadi bersih” hasil daripada pengeluaran hak Allah yang terdapat dalam harta tersebut (Farid t. th., : 12).

Perkataan *al-nafs* pula, sebagaimana yang dilihat oleh al-Ghazali misalnya adalah merujuk kepada salah satu daripada pengertian berikut (al-Ghazali t. th., :iii:5):

- i. Pengertian yang merangkumi kesemua sekali kekuatan marah serta hawa nafsu yang terdapat dalam diri manusia yang merupakan punca bagi semua sifat tercela yang terdapat dalam diri manusia; atau

- ii. Hakikat diri serta zat sebenar diri manusia itu sendiri.

Jadi, gabungan kedua-dua perkataan ini–*tazkiyat al-nafs*--secara literal bermaksud “pembersihan diri manusia atau pembersihan hawa nafsu” yang menjadi punca kepada semua sifat tercela yang terdapat dalam diri manusia.

Bagaimanapun, penggunaan teknikal istilah *tazkiyat al-nafs* dalam bidang kerohanian Islam adalah merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati diri manusia daripada pelbagai sifat yang rendah dan hina (*madhmumah*) untuk dihias zat sejati diri tersebut dengan pelbagai sifat yang mulia dan terpuji (*mahmudah*). Dalam kata lain, *tazkiyat al-nafs* merupakan satu proses usaha gigih kemanusiaan yang mengandungi dua dimensi:

- i. Proses pembuangan sifat-sifat tercela daripada diri sejati manusia, yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-takhalli*; dan
- ii. Proses penghiasan atau pemakaian diri sejati manusia itu dengan sifat-sifat mulia dan terpuji, yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-tahalli* (Sulaiman Yasin 1992: 219-230)

Oleh itu, berdasarkan catatan di atas, dapatlah diperjelaskan lagi di sini bahawa *tarbiyyah ruhiyyah* dan *tazkiyat al-nafs* itu merupakan ungkapan-ungkapan teknikal atau istilah-istilah lain kepada proses *al-takhalli* dan *al-tahalli* yang terdapat dalam bidang kerohanian Islam. Dalam kata lain, keempat-empat istilah teknikal tersebut mempunyai bahan pengisian dan matlamat pencapaian yang sama, iaitu untuk membentuk dan melahirkan personaliti manusia yang rapat hubungannya dengan Allah, lantas memamerkan dengan jelas unsur-unsur akhlak dan budi pekerti yang baik dan mulia dari perspektif syarak.

Antara sifat tercela yang mahu dibersihkan dalam proses *al-takhalli* ialah seumpama *al-kufr* (kekufuran), *al-nifaq* (munafik), *al-shirk*, *al-riya*, *hubb al-jah* (cintakan kemegahan), *hub al-riyasah* (cintakan pangkat/kekuasaan), *al-hasad*, *al-bukhl* (bakhil), *al-ghurur* (terpedaya), *al-ghadab* (marah), *hubb al-dunya* (cintakan dunia), *ittiba' al-hawa* (mengikut hawa nafsu) serta sifat-sifat lain seumpamanya. Sedangkan sifat-sifat terpuji yang mahu dihiaskan dalam proses *al-tahalli* pula, antara lain ialah seperti *al-ikhlas*, *al-sidq*, *al-zuhd*, *al-tawakkul*, *mahhabat Allah*, *al-khawf wa al-raja' al-shukr*, *al-sabr*, *al-rida*, *al-tawbah al-mustamirrah* dan sifat-sifat lain seumpama (Sulaiman Yasin 1992: 220).

Namun, perlu difahami secara tepat bahawa *tarbiyyah ruhiyyah*, *tazkiyat al-nafs* atau proses *al-takhalli* dan *al-tahalli* ini bukanlah satu perkara mudah untuk dilaksanakan oleh seseorang manusia. Banyak sekali halangan yang terpaksa ditempo. Oleh itu, untuk menjaya dan menyempurnakannya, di samping menuntut kesungguhan sehabis kudrat kemanusiaan, adalah juga tertakluk kepada limpah kurnia dan rahmat Allah, sebagaimana yang boleh difahami daripada firman-Nya di bawah:

﴿وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا﴾

[Maksudnya]: "... dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu, nescaya tidak ada seorangpun di antara kamu menjadi bersih daripada dosanya selama-lamanya..." (al-Nur 24:21).

Berdasarkan catatan-catatan di atas, tergambar kepada kita bahawa sejujur diri manusia itu tidak ubah bagaikan suatu medan tempur (*battle field*) yang luas, di mana berlangsungnya pertempuran sengit antara gejala jahat dengan gejala baik dalam proses manusia membentuk keperibadian dirinya. Hal ini bermakna seseorang yang berjaya melaksanakan *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* dengan sempurna akan

muncul menjadi seorang yang memiliki keimanan yang kental dan akhlak yang mulia di tengah-tengah kehidupan bermasyarakat.

3. KEPENTINGAN TARBIYYAH RUHIYYAH/ TAZKIYAT AL-NAFS

Dalam pandangan al-Qur'an adalah cukup jelas bahawa proses pembersihan dan pendidikan *al-ruh* dan *al-nafs* ini berada pada satu kedudukan atau status yang cukup tinggi dan amat penting. Ia disanjung sebagai salah satu cabang utama tugas keagamaan yang kerananya para rasul diutus oleh Allah ke alam ini. Hal ini dapat difahami dengan baik apabila kita membaca doa Nabi Ibrahim a.s. yang didokumentasikan seperti di bawah:

﴿ رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْنَا آيَاتِكَ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ﴾

[Maksudnya]: “ . . . Wahai Tuhan kami utuslah kepada mereka seorang rasul daripada kalangan mereka

sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat [firman]-Mu dan mengajar mereka isi kandungan kitab serta hikmah kebijaksanaan dan membersihkan [hati dan jiwa] mereka. Sesungguhnya Enagkaulah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. (al-Baqarah 2:129).

Kemudian, secara khusus dalam hal yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w. sendiri al-Qur'an mengungkapkan ayat-ayat di bawah:

﴿ كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا
وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ
تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴾

[Maksudnya]: “(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu) samalah seperti nikmat Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul daripada kalangan kamu (iaitu Muhammad) yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu, dan yang mengajar kamu kandungan kitab (al-Qur'an) serta hikmah kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang kamu belum ketahui”. (al-Baqarah, 2:151).

﴿ هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ
 آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا
 مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴾

[Maksudnya]: “Dialah yang mengutuskan daripada kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w.) daripada bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka serta mengajarkan mereka kitab Allah (*al-Qur’an*) serta hikmah kebijaksanaan. Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad s.a.w.) adalah dalam kesesatan yang nyata”. (al- Juma’ah 62:2).

Dalam gugusan ayat-ayat di atas tercatat ungkapan “membersihkan mereka/kamu” yang nyatanya merupakan salah satu tugas yang mesti disempurnakan oleh para rasul utusan Allah dalam misi kebagkitan atau kehadiran mereka di alam ini. Dan dalam tafsiran para ulama, ungkapan berkenaan dirujuk secara tegas kepada tugas *tazkiyat al-nafs/tarbiyyah ruhiyyah*; iaitu satu tugas bersifat proses penggilapan *al-nafs* atau *al-ruh* serta penghiasannya dengan nilai-nilai akhlak yang mulia (*al-fada’il*), di samping pembuangan

sempurna dari persada *al-nafs* atau *al-ruh* tersebut nilai-nilai akhlak tercela (*al-radha’il*). (al-Nadwi 1969: 12; da Hawa 1988:3).

Tafsiran seumpama di ataslah yang menjadi intisari kesimpulan yang menegaskan bahawa tugas *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* merupakan salah satu tanggungjawab kerasulan yang sekali gus meletakkan tugas berkenaan pada satu kedudukan yang cukup penting dalam keseluruhan skema keagamaan Islam yang dibawa oleh para rasul sejak zaman berzaman. Tafsiran seumpama ini sesungguhnya, antara lain, dalam konteks kebangkitan Rasulullah s.a.w., diperkukuhkan oleh sebuah Hadith yang cukup terkenal memerihalkan matlamat kebangkitan Rasulullah s.a.w.: [Maksudnya] “*Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*” (Ibn Hanbal t. th.: ii:381). Dalam hubungan ini ungkapan “penyempurnaan akhlak yang mulia” yang menjadi penyebab, malahan sekali gus menjadi tugas kebangkitan Rasulullah s.a.w. itu adalah sesungguhnya tidak lebih dari hanya ungkapan lain kepada istilah-istilah *tarbiyyah ruhiyyah* dan *tazkiyat al-nafs* yang juga merujuk kepada destinasi yang sama, iaitu melaksanakan usaha pembentukan akhlak yang mulia. Dalam kata lain, kehadiran Rasulullah s.a.w.

adalah, antara lain-lain, melaksanakan tugas menyuruh kalangan umatnya menjayakan proses *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs*.

Selanjutnya, kepentingan *tazkiyat al-nafs* dan *tarbiyyah ruhiyyah* dalam keseluruhan skema keagamaan Islam tergambar dengan jelas apabila kita dapati al-Qur'an melihat bahawa kejayaan (*al-falah*) manusia dalam misi hidup mereka di dunia dan di akhirat adalah tertakluk kepada pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* atau *tarbiyyah ruhiyyah*. Dalam kata lain, dari perspektif al-Qur'an, *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* merupakan prasyarat kejayaan hidup manusia. Malah, lebih jauh dari itu, ia didapati sebagai asas pertimbangan atau criteria bagi menilai kejayaan atau kebinasaan seseorang manusia dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Hal ini dapat difahami dengan baik apabila kita meneliti ayat-ayat al-Qur'an di bawah:

﴿وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾
قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾﴾

[Maksudnya]: “Demi diri manusia (*nafs*) dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya);

serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan diri (nafs)nya—yang sedia bersih—bertambah-tambah bersih. Dan sesungguhnya rugilah orang yang menjadikan diri (nafs)nya—yang sedia bersih itu—susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)”. (al-Shams 91:7-10).

Rasional menjadikan pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* atau *tarbiyyah ruhiyyah* sebagai piawai pengukur kejayaan (*al-falah*) dan kerugian (*al-khaybah*) dalam kehidupan seseorang manusia sama ada di dunia ataupun di akhirat sebagaimana terungkap dalam ayat-ayat di atas, menjadi terserlah dengan sendirinya apabila kita hubungkan kejayaan pelaksanaan *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* dengan pemilikan isi kandungan akhlak yang mulia. Tiada sesiapa pun yang waras cara berfikir akan menfikan sumbangan positif kepada kehidupan kemanusiaan yang boleh diberi oleh pelbagai unsur akhlak yang mulia sebagaimana terhayat dengan sempurna dalam kehidupan Baginda Rasulullah s.a.w.

Huraian ringkas yang dicatatkan di atas pastinya telah berupaya membangunkan kefahaman betapa pentingnya *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* dan betapa tinggi statusnya dalam keseluruhan skema amalan keagamaan Islam.

4. MEKANISME PELAKSANAAN TAKZIYAT AL-NAFS DAN TARBIYYAH RUHIYYAH

Apa yang dimaksudkan dengan cara atau mekanisme pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* atau *tarbiyyah ruhiyyah* di sini ialah merujuk kepada setiap amalan yang dapat melahirkan kesan langsung lagi positif ke atas *al-ruh* dan *al-nafs* atau diri manusia, sehingga dapat menyembuhkan *ruh* dan *nafs* berkenaan daripada penyakit, atau *ruh* dan *nafs* tersebut dapat merealisasikan setepatnya nilai-nilai akhlak yang mulia, sebagaimana yang diperlukan oleh agama Islam (Hawa 1988:27).

Dalam pandangan tradisi kerohanian Islam, mekanisme pelaksanaan *tarbiyyah* atau *tazkiyah*, yang berlansung dalam bentuk suatu proses itu mestilah

dilaksanakan dengan sempurna dalam “ruang legar” taklif Ilahi yang pada umumnya terbahagi kepada dua dimensi berikut:

A. Taklif berbentuk suruhan atau amalan salih, terutama semua amalan fardu. Antara amalan utama yang dapat memberi kesan langsung dalam usaha *tazkiyat al-nafs* dalam bentuk taklif suruhan ini adalah seperti berikut:

- * *al-Salah* (sembahyang)
- * puasa
- * *tilawat* al-Quran (membaca Qur'an)
- * *al-dhikr*
- * Tafakur tentang ciptaan-ciptaan Allah
- * Mengingati mati (*tadhkir al-mawt*) serta pendekangan-angan (*qasr al-amal*),
- * *Muraqabah, muhasabah dan mujahadah*,
- * Jihad serta menyuruh melaksanakan kebaikan dan mencegah daripada melaksanakan kejahatan
- * Menyumbangkan khidmat kepada kalangan yang memerlukan serta mengamalkan sifat tawaddu' atau rendah diri (Hawa 1988: 25-136).

Semua amalan keislaman yang dicatatkan di atas dianggap sebagai *superhighway* yang boleh digunakan seluas-luasnya oleh manusia bagi mencanai *al-ruh* dan *al-nafs*nya dalam proses *tazkiyah* dan *tarbiyyah*. Namun, perlu diingati bahawa semua amalan ini mestilah dilaksanakan dalam taraf yang sempurna, iaitu satu taraf pelaksanaan atau penunaian dalam bentuk yang sejajar dan menepati antara amalan lahir dan amalan batin, sehingga unsur-unsur seumpama *nifaq* serta *riya'* tidak pernah boleh diberi laluan untuk memainkan peranan jahatnya. Dalam kata lain, semua amalan itu hendaklah diangkat taraf penunaianya ke tahap *al-ihsan*, iaitu segala sesuatu yang dilakukan itu, dari aspek *modus operandinya* mestilah diikuti sertakan rasa keyakinan serta rasa kehadiran dan kebersamaan Allah yang sentiasa menuntun setiap apa yang sedang dilaksanakan dalam setiap detik waktu yang digunakan, sebagaimana yang terungkap dalam definisi *al-ihsan* yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda Baginda:

... قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا تَتَّقُ
تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Ketika Rasulullah s.a.w. disoal apa itu ihsan, Baginda lalu menjawab: “Bahawa kamu melakukan ibadah

kepada Allah [dalam keadaan] seolah-olah kamu melihatNya; jika kamu tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Allah melihat kamu”. (al-“Asqalani t. th. :114)

Hanya apabila segala amalan dilaksanakan pada taraf dan tahap yang dicatatkan di atas, barulah amalan-amalan tersebut dapat diharapkan untuk memberi sumbangan yang amat berkesan dalam proses *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs*. Maka itu, apabila kita berkesempatan dalam kehidupan harian melihat, misalnya kalangan orang yang tekun melaksanakan ibadat sembahyang, atau ibadat puasa, tetapi bersama pelaksanaan ibadat- ibadat tersebut, masih juga orang berkenaan tidak putus-putus melakukan maksiat yang dilarang oleh agama, maka apa yang perlu kita simpulkan ialah bahawa ibadat orang berkenaan mempunyai masalah yang cukup besar pada tahap *modus operandinya*. Hal ini samalah dengan kes seorang perempuan yang disebut kepada Rasulullah s.a.w. sebagai seorang yang begitu banyak melakukan ibadat sembahyang, memberi sedekah dan banyak melakukan ibadat puasa, tetapi lidahnya tiada putus-putus menyakiti jirannya, maka Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa tempat perempuan berkenaan di akhirat kelak ialah di dalam neraka (al-Mandhari 1353H.: iii:356).

B. Taklif dalam bentuk larangan dan tegahan

Dalam hubungan dengan proses *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs*, biasanya taklif yang kedua ini dihubungkan dengan penggunaan tujuh anggota lahir manusia, iaitu: mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Ini bermakna dalam proses pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* anggota lahir yang tujuh tersebut mestilah dibersihkan daripada perbuatan atau perilaku yang ditegah oleh Syariat Islam. Hal ini, bila disempurnakan, akan dapat memberikan sumbangan yang besar kepada kemantapan *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* (Sulaiman Yasin 1992: 222).

Sesungguhnya peranan anggota lahir manusia dalam menjerumuskan mereka ke lembah kebinasaan dalam kehidupan dunia dan akhirat adalah sesuatu yang cukup jelas bilamana kita meneliti kenyataan-kenyataan daripada al-Quran dan al-Hadith. Sekadar untuk dijadikan contoh, misalnya baca sahaja ayat-ayat Qur'an dan Hadith di bawah:

﴿وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ
هُم قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا
وَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَلَّا نَتَّعَمِرُ بَلْ هُمْ

أَصْلٌ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

[Maksudnya]: 'Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya [bukti keesaan Allah], dan yang mempunyai telinga [tetapi] tidak mahu mendengar dengannya [ajaran dan nasihat]; mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai' (al-A'raf 7:179).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: سئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ؟ فَقَالَ: تَقْوَى اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ، وَسئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ، قَالَ: الْقَمُ وَالْفَرْجُ.

[Maksudnya]: 'Daripada Abu Hurayrah r.a. beliau berkata: Rasulullah s.a.w. disoal tentang perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk Syurga. Rasulullah s.a.w. (menjawab) dengan bersabda: "Takwa kepada Allah dan akhlak yang mulia". [Kemudian] soal pula tentang perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk neraka. Rasulullah

s.a.w. [menjawab] dengan bersabda : “Mulut dan kemaluan” (al-Nawawi 1985: 273).

Ternyata daripada firman dan sabda di atas bahawa anggota-anggota lahir manusia itu perlu dijaga dengan baik dan dipergunakan secara yang wajar untuk mengelak pemiliknya daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Sebaliknya apabila jagaan rapi dibuat, ia akan memberi sumbangan yang bermakna kepada proses *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs*.

5 PENUTUP

Kemudian, di samping catatan-catatan di atas, seseorang yang berjuang untuk melaksanakan *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* itu juga mestilah mempelajari secukupnya untuk memahami dengan tepat tabiat nafsu dan kelemahan-kelemahan nafsu tersebut yang boleh menjadi lorong utama kepada syaitan bagi menjatuhkan manusia. Seseorang itu juga mestilah mempelajari dengan bersungguh-sungguh untuk mengenali penyakit-penyakit hati serta segala bentuk modus operandi untuk mengelak daripada terjebak dalam wabak penyakit tersebut (Hawa 1988: 137-149).

Apabila segala sesuatu dalam proses pelaksanaan *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* tersebut dijalani dengan tekun dan sempurna oleh seseorang Muslim, maka apa yang dapat kita gambarkan ialah munculnya di tengah masyarakat personaliti manusia yang dihiasi dengan akhlak mulia yang boleh berperanan menaburkan bakti dalam masyarakat bagi menjayakan unsur rahmat yang dibawa oleh Islam itu sendiri. Dan apabila personality- personaliti sebegini berjaya diwujudkan oleh masyarakat Muslim, kita cukup yakin kesatuan dan perpaduan ummah akan tercapai jua. Ini kerana manusia yang berakhlak mulia dan rapat hubungannya dengan Allah akan tidak mudah dikuasai nafsu jahat. Dan nafsu jahat manusia itulah biasanya yang tidak mengendahkan tuntutan agama yang sentiasa menyeru kepada kedamaian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Namun, sekali lagi perlu dicatatkan dengan penuh rasa sedar dan waras bahawa kerja pelaksanaan bagi menjayakan proses *tarbiyyah ruhiyyah* atau *tazkiyat al-nafs* bukanlah satu kerja gampang. Ia memerlukan kesungguhan luar biasa dengan semangat jihad dari kalangan umat Islam di pelbagai peringkat demi untuk melahirkan ummah yang kuat dan perkasa yang akan membawa obor kesejahteraan dan kebahagiaan hidup

di dunia dan akhirat. Dan umat Islam masa kini di serata dunia kelihatannya tidak ada pilihan lain selain dari melaksanakan tugas berat berkenaan, sekiranya perjalanan kehidupan dunia ini mahu dibawa ke destinasi sejahtera dan bahagia.

BIBLIOGRAFI

al-‘Asqalani, Ahmad b. ‘Ali b. Hajar. t. th. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukahari*. Jil 1. Mesir: Dar al-Fikr.

Farid, Ahmad (Ed.). t. th. *Tazkiyat al-Nufus wa tarbiyatuha kamayuqarriruha ‘ulama’ al-Salaf*. Beirut: Dar al-Qalam.

al-Ghazali, Abu Hamid. t. th. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Jil. 3. Lubnan: Dar al-Misriyyah al- Lubnaniyyah.

Hawa, Sa’id. 1988. *al-Mustakhlis fi tazkiyat al-nufus*. Mesir: Dar al-Salam.

Ibn Hanbal, Ahmad. t. th. *Musnad Ahmad b. Hanbal*. 6 Jil. Mesir: al-Matba’ah al-Maymaniyyah.

Mahmud, ‘Ali ‘Abd al-Halim. 1995. *al-Tarbiyyah al-ruhiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Tawzi’ wa al- Nashr al-Islamiyyah.

Al-Mandhari, Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim Ibn ‘Abd al-Qawi. 1353H. *al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith*. Mesir: Tab’ah Sabih.

Mohd Sulaiman Yasin. 1992. *Akhlak dan Tasawuf*. Bangi: Yayasan Salman.

al-Nadawi, Abu al-Hasan ‘Ali al-Husni. 1969. *Rabbaniyyah la Rahbaniyyah*. Beirut: Dar al-Fath.

al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya b. Sharaf. 1985. *Riyad al-Salihin min kalam sayyid al-Mursalin*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.



